



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/06/44 (HQ)

TNB RANGKUL ANUGERAH EMAS UNTUK LAPORAN TAHUNAN

BANGSAR - TNB diberikan anugerah emas "Excellence in Content Reporting" untuk Laporan Tahunan Syarikat, dalam persaingan hampir seribu penyertaan dari seluruh dunia, anjuran Australasian Reporting Awards Limited dua hari lalu.

Pencapaian tahap emas dalam penilaian anugerah yang diperkenalkan sejak 1950-an itu, membuktikan keupayaan TNB dalam urus tadbir dan amalan terbaik, sehingga mendapat pengiktirafan berprestij.

Menurut Setiausaha Syarikat, Norazni Mohd Isa, kemenangan itu memperkuatkan lagi tekad TNB untuk memenangi emas tahun depan dalam usaha melayakkan diri mencapai anugerah keseluruhan terbaik.

"Daripada hampir 1,000 penyertaan, TNB berjaya memenuhi kriteria ketat ARA untuk mendapat taraf emas yang hanya dicapai oleh 20 peratusan penyertaan terbaik," katanya.

Beliau menerima anugerah itu dari Pengerusi ARA, Prof. Suresh Cuganesan pada majlis penyampaian di Melbourne, Australia. Turut mewakili Syarikat ialah Ketua Pengiklanan dan Penerbitan TNB, Datin Seri Noor Zarina Musa.

Anugerah itu memberi peluang kepada organisasi-organisasi untuk menanda aras laporan tahunan mereka mengikut kriteria ARA yang berdasarkan amalan terbaik dunia.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur, jam 12:00 tengah hari, 23 Jun 2017

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke media@tnb.com.my*